

23/10/1998

Penduduk desa tetap dibantu

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak akan membiarkan rakyat, terutama di luar bandar, terus menderita akibat kegawatan ekonomi yang melanda negara.

"Penduduk luar bandar tidak faham apa yang berlaku. Lebih teruk lagi ialah mereka tidak tahu kenapa ia berlaku dan bagaimana boleh menyekatnya. Apa yang mereka boleh lakukan ialah menerima penderitaan yang datang.

"(Kerana itu) kerajaan tidak boleh melepaskan tanggungjawab kepada rakyat yang memilih mereka. Kami sendiri menyaksikan penderitaan yang dialami rakyat - lelaki, wanita dan kanak-kanak, di semua negara membangun," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Wanita Luar Bandar Ketiga (ISC) di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Presiden ISC, Penaung ISC, Ratu Fabiola dari Belgium dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah menyaksikan kemakmuran yang dikecapi rakyat negara ini, direntap begitu sahaja apabila modal asing ditarik keluar. Akibat kegawatan ekonomi, pekerja hilang pekerjaan, peniaga kecil terpaksa menutup perniagaan dan kemiskinan kembali mencengkam rakyat.

Malah, katanya, Asia mengalami peningkatan kemiskinan secara mendadak dengan rakyatnya bukan sahaja miskin tetapi serba kekurangan dari segi sosial, disebabkan krisis kewangan berpunca daripada spekulasi dan manipulasi mata wang.

Penurunan nilai mata wang dan kemelesetan ekonomi yang menyusul berikutan krisis bermula di Thailand tahun lalu itu, teruk menjejaskan golongan miskin terutama wanita.

Menurutnya, sebuah negara Asia yang mempunyai ramai penduduk menyaksikan jumlah pengurangan golongan di bawah paras kemiskinan adalah terbalik. Jika dahulu cuma 20 peratus berada di bawah paras kemiskinan, sekarang hampir 50 peratus.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, masyarakat antarabangsa perlu diperkukuhkan, tetapi bukan sekadar membabitkan sokongan aliran kewangan.

"Fokus utama mereka sepatutnya ialah menghalang krisis seperti ini daripada berlaku lagi dan melindungi rakyat daripada menderita akibat keruntuhan ekonomi.

"Bantuan dari peminjam pelbagai hala dan dua hala sekarang patut ditumpukan kepada cara menangani masalah kemiskinan di kalangan negara miskin. Perbincangan yang tidak pernah habis mengenai 'arkitektur baru' dalam sistem kewangan dunia tidak akan membawa manfaat kepada rakyat yang mungkin mati dalam kegawatan sekarang," katanya.

Beliau juga berkata, pada masa yang sama, sektor swasta dan rakyat perlu membuktikan keyakinan mereka dan membantu ekonomi negara untuk berkembang semula.

"Pada masa yang sukar seperti ini, kita memerlukan semua orang menyalurkan tenaga untuk terus menjana ekonomi negara. Tidak ada siapa terkecuali. Setiap individu, lelaki dan wanita, mesti menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara.

"Hanya kita yang mempunyai peluang terbaik untuk menyelamatkan diri kita sendiri daripada krisis ini. Menunjukkan perasaan putus asa dan hilang

keyakinan tidak akan membantu sesiapa, sebaliknya hanya akan menjadi keadaan lebih buruk.

"Kita mesti bersatu untuk mencari jalan bagi menangkis ancaman ekonomi serta sebarang perubahan mengejut," katanya.

Menceritakan pengalaman Malaysia yang pernah membuka pintu seluas-luasnya kepada modal asing, Dr Mahathir berkata ketika itu negara dan rakyat hidup makmur tetapi pelabur pantas melarikan diri apabila keadaan ekonomi mulai tergugat.

Dengan mengumpamakan kredit dalam dunia perniagaan adalah seperti darah di dalam tubuh manusia, beliau berkata, modal asing yang keluar begitu pantas adalah seperti pendarahan otak, penderitaan yang boleh membawa kematian kepada sesebuah perniagaan.

"Perkara pertama yang perlu kita lakukan ialah menyekat pendarahan yang begitu teruk. Dalam keadaan di mana kredit menjadi kering atau dalam kes pesakit menjadi anemik (anaemic), kita perlu menyediakan ubat yang mujarab seperti pil zat besi atau darah dari kumpulan yang sama.

"Jika kita menafikan pesakit dengan ubatan ini dengan menaikkan kadar faedah dan harga sehingga ke taraf yang tidak mampu ditanggung, kita sudah pasti akan membunuh pesakit itu," katanya.

(END)